

Teks dan Foto: Ahmad Safar Arman


Sekeliling Kita

Galeri Aki Aji Menyimpan Seribu Sejarah

Sebuah galeri yang terletak di Kampung Chepor, Lenggong, Perak menyimpan pelbagai khazanah yang amat berharga untuk tatapan sesiapa yang datang bertandang. Galeri yang dikenali sebagai Galeri Aki Aji ini merupakan satu daripada destinasi menarik yang wajib dikunjungi jika bertandang ke Hulu Perak ini.

Di galeri ini menyimpan lebih daripada 500 barangan antik yang dapat dilihat seronok. Galeri tersergam indah yang terletak betul-betul di tengah kampung ini dimiliki oleh insan yang bernama Haji Lukhman Mahmud. Pemilik rumah ini telah mengumpul barangan klasik sejak 20 tahun lalu dan telah lama berhasrat untuk mewujudkan sebuah galeri di kampung tersebut.

Galeri ini merupakan sebuah rumah tradisional yang dibina sekitar tahun 1950. Yang istimewanya, rumah ini pernah dipindahkan secara tradisional, iaitu tr:



Perkahwinan yang bergi nilainya.



Barangan lama yang diletakkan di dalam almari.



Golongan kanak-kanak juga berminat dengan barangan antik.

ng rumah, yang melibatkan duduk kampung. Tradisi sebut mengembalikan nostalgia ngusung rumah yang sinonim ngan negeri ini, khususnya di ggong.

Kerjasama yang erat dan satu teguh antara penduduk mpung sesuai dengan peribahasa lat air kerana pembetung bulat ta kerana muafakat. Rata-rata nduduk kampung ini dapat enyaksikan peristiwa mengusung mah pusaka Haji Zainal Abidin ail selaku pemilik asal.

Jika digali sejarah, rumah ini dirikan oleh beliau Haji Zainal idin bersama-sama isteri rsayang, iaitu Hajah Misna Hj assan, pada tahun 1955. Pasangan i tidak mempunyai anak untuk ewarisi rumah tersebut. Selepas ematian pasangan ini, rumah i terbiar begitu lama. Atas rasa anggungjawab, anak saudara Haji ainal Abidin, iaitu Haji Lukhman Mahmud, telah berbincang dengan aris yang berhak ke atas rumah ni dan mencadangkan agar umah ini dibaiki agar tidak roboh menyembah bumi.


Walaupun begitu, ada beberapa pihak yang tidak setuju dengan

cadangan beliau. Namun, Haji Lukhman tetap dengan pendirian. Beliau mengatakan bahawa manusia hidup dengan kehendak Allah. Yang tidak menyokong hasrat beliau hanya dua tiga orang sahaja, tetapi yang mengharap hasrat tersebut tercapai adalah beratus orang. Tambah beliau, masyarakat sekarang bijak menilai mana yang betul dan yang salah.


*Buluh padi tidak bersisik,
Padi disemai lalang menjadi;
Kampung kami tidaklah cantik,
Tapi ramai orang ke mari.*

Pantun ini sering kali dituturkan oleh Haji Lukhman bagi menaikkan semangat memperjuangkan barang-barang lama.

Rumah ini dipindahkan ke atas tapak baharu yang jaraknya hanya 50 kaki dari tapak asal. Rumah pusaka itu diusung untuk dijadikan galeri pada bulan November 2019. Sejak itulah juga pengunjung tidak putus datang setiap hari. Pengunjung yang datang juga terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk



Keadaan dapur tradisional yang dihias cantik.



Penulis (kiri) bersama-sama pemilik Galeri Aki Aji.

golongan kanak-kanak, dewasa, tua dan juga orang kenamaan.

Di galeri ini, pengunjung dapat melihat pelbagai barangan atau peralatan pertukangan lama yang dipamerkan hasil sumbangan orang kampung dan juga daripada individu tertentu. Selain itu, terdapat beratus-ratus perkakasan memasak, barangan tembaga dan seni bina kediaman tradisional. Lebih 500 barangan antik yang pada awalnya dikumpulkan hasil pencarian sendiri. Kini, terdapat juga barangan yang diterima daripada individu tertentu yang memberikan kepercayaan kepada Haji Lukhman untuk menyimpan koleksi antik mereka di galeri ini.

Ternyata sebaik melangkah ke galeri tersebut seperti terasa berada di dalam sebuah rumah Melayu lama yang padat dengan pelbagai aksesori tinggalan sejarah. Bermula dari laluan masuk ke pintu sahaja sudah terdapat pelbagai jenis kepingan kayu daripada pokok yang mempunyai nilai kepada masyarakat setempat. Galeri ini menyimpan pelbagai koleksi antik antaranya seterika, peralatan pertukangan, telefon, tembikar besi dan aksesori majlis perkahwinan.

Lebih daripada itu, terdapat sebuah ruang dapur yang menempatkan pelbagai peralatan

Ternyata sebaik melangkah ke galeri tersebut seperti terasa berada di dalam sebuah rumah Melayu lama yang padat dengan pelbagai aksesori tinggalan sejarah. Bermula dari laluan masuk pintu sahaja sudah terdapat pelbagai jenis kepingan kayu daripada pokok yang mempunyai nilai ke masyarakat setempat.

memasak lama dan pinggan mangkuk yang terkenal pada zaman sebelum kemerdekaan. Bagi menghidupkan lagi suasana seperti berada di dapur rumah orang “dulu-dulu”, terdapat juga dapur arang yang digunakan untuk memasak makanan kegemaran penghuni galeri sekeluarga. Jika bertandang ke sini pengunjung juga dapat merasai dan menikmati makanan di ruang tamu dengan gaya orang dahulu.


Rumah ini menyimpan segala warisan purba masyarakat Melayu. Antara alatan yang masih utuh dan kekal terpelihara yang dipamerkan di sini termasuklah bajak sawah, paip candu, beliung, acuan kuih, alat perjuangan Melayu, alat pertanian dan pertukangan Melayu.

Keistimewaan ini mampu menarik lebih ramai pelancong dan menjadikan Lenggong sebagai destinasi yang wajib disinggahi. Mereka dapat menikmati keindahan

suasana di sekitar daerah, dan mengetahui sejarah kewujudan galeri ini. Galeri ini terus menjadi destinasi pelancongan unik yang menghimpunkan pelbagai barangan antik dan sentimental yang berteraskan kehidupan pada 1940-an.

Bukti kunjungan pelancong dalam dan luar negara ke galeri ini dapat dilihat melalui buku pendaftaran yang kelihatan diisi sejak mula beroperasi. Galeri ini turut menerima pelancong yang datang dari negara seperti Thailand, China, Australia, German dan Jepun. Keadaan ini turut memberikan kesan dan hasil kepada masyarakat setempat dengan kewujudan galeri ini.

Sudah pastinya Kampung Chepor turut menerima pelancong ekonomi dengan kedatangan pengunjung luar. Hal ini bukan sekadar mempopularkan Kampung Chepor, bahkan





Tamu dihidangkan dengan makanan mengikut tradisi Melayu.



"Konvoi" bermotosikal memenuhi perkarangan galeri.

mempopularkan destinasi lain yang ada di Lenggong, antaranya termasuklah Muzium Perak Man, Telaga Belerang Biru dan Tasik Raban yang sangat cantik.

Yang pasti, barangan yang dipamerkan di galeri ini merupakan hasil peninggalan orang tua terdahulu. Barangan ini akan terus kekal menjadi warisan yang dapat disentuh, dilihat dan dijadikan bahan kajian oleh anak-anak bangsa pada masa ini dan akan datang. Setiap barangan yang dimilikinya mempunyai nilai sentimental tersendiri dan dapat dijadikan sebagai bahan didikan kepada generasi baharu tentang revolusi sesuatu barangan yang kini menjadi semakin moden serta mudah.

Jika pengunjung yang datang bersama-sama ahli keluarga, terutamanya yang membawa anak, mereka dapat mengetahui barangan yang pernah digunakan generasi terdahulu dalam kehidupan harian. Galeri ini juga dapat memberikan pengalaman baharu kepada generasi masa ini tentang kehidupan pada zaman dahulu yang tidak mempunyai kemudahan elektrik. Walaupun begitu, orang terdahulu mampu meneruskan kehidupan walaupun agak mencabar untuk diaplikasikannya pada hari ini.

Di bawah rumah galeri ini terdapat sebuah ruang kuliah. Yang unikunya, terdapat sebiji batu di

ruangan ini yang menimbulkan persoalan dalam kalangan pengunjung setiap kali berkunjung ke sini. Batu tersebut merupakan batu kesan meteor yang dijadikan hiasan meja di ruang penerangan kepada para pengunjung.

Hampir setiap hari sentiasa ada sahaja lawatan secara berkumpulan yang berskala kecil dan besar di galeri ini. Antara lawatan berskala besar termasuklah golongan kenamaan daripada Kastam Diraja Malaysia. Begitu juga dengan puluhan anak-anak muda yang menyertai "konvoi" bermotosikal sering kali singgah di galeri yang serba indah ini. Kampung yang jauh ke pedalaman ini tidak disangka menjadi pilihan orang ramai.

Kini, pemiliknya sangat berpuas hati dengan perubahan ke atas galeri ini. Hal ini dikatakan demikian kerana ketika beliau mengambil keputusan untuk memindahkan rumah ini dan mengubahnya menjadi galeri, hanya rumah ibu dan anjung sahaja yang masih baik. Walaupun begitu, lantainya sudah ada yang reput disebabkan oleh bumbung yang rosak dan dimasuki hujan. Sementara bahagian dapur rosak sepenuhnya dan hanya ada sedikit dinding yang masih elok.

Jika dihitung, sudah beribu-ribu pelawat yang masuk ke kampung ini semata-mata ingin

mengenali dengan lebih rapat tentang galeri ini. Sebagai hasilnya, ekonomi tempatan sudah mula berkembang. Pembukaan galeri ini juga bertujuan untuk membantu memperkenalkan kampung kelahiran Haji Lukhman kepada masyarakat luar yang mungkin sebelum ini tidak mengetahui kewujudannya.

Apabila ada tarikan seperti galeri ini di kawasan pedalaman, sudah tentunya dapat membantu merencanakan aktiviti ekonomi masyarakat setempat melalui jualan makanan dan minuman. Selain itu, kemudahan dan bantuan daripada kerajaan turut mencurah-curah dengan membawa masuk kemajuan dan kemodenan untuk kemudahan para penduduk.

Tidak cukup dengan itu, hebahan melalui media sosial seperti Instagram, Facebook dan Tiktok terus menarik pengunjung. Hal ini turut disokong dengan kerjasama daripada komuniti setempat untuk memberikan sumbangan ke arah membangunkan galeri dan kampung. Diharapkan agar semua pihak dapat bersatu dan menggembelng tenaga ke arah mempopularkan kampung ini melalui galeri seperti ini. Dengan memperkenalkan barangan lama, dapat mengikat kemas warisan dan budaya Melayu yang kini semakin hilang. **DB**